

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

2 kanak-kanak maut disyaki akibat strok haba

Kota Bharu: Dua kanak-kanak berusia 11 tahun dan setahun enam bulan meninggal dunia dipercayai akibat strok haba dan dehidrasi.

Kejadian berlaku Selasa lalu dengan mangsa pertama, Nur Imani Ahmad Faris dari Kampung Kota, di sini, disahkan meninggal dunia kira-kira jam 7.20 pagi, manakala Muhammad Syamil Aqil menghembuskan nafas terakhir di Klinik Kesihatan Balai di Bachok, dekat sini, jam 9.27 pagi hari sama.

Bapa kepada Nur Amani, Ahmad Faris Fazli Mohd Nasir, berkata, anak tunggalnya mengalami batuk sejak seminggu lalu dan muntah-muntah beberapa hari selepas itu.

Katanya, Nur Amani dibawa ke Unit Kecemasan Hospital Raja Perempuan Zainab II pada Isnin dan doktor yang merawat memberikan ubat dan meminta anaknya dibawa pulang.

"Keadaan Nur Amani semakin teruk sebelum disahkan meninggal dunia jam 7.20 pagi Selasa.

"Hasil bedah siasat mendapat punca kematian adalah strok haba. Air dalam badan semua kering, paru-paru juga sudah kecut," katanya.

Ibu kepada Syamil, Wanie Alias, 32, berkata anak sulung daripada tiga beradik itu sangat aktif pada hari raya pertama dan kedua sebelum demam dan cirit-birit pada hari raya ketiga.

"Saya sentiasa memantau keadaan anak setiap jam dan mendapati suhu badannya mencatat bacaan antara 37 hingga 38 darjah Celcius.

"Pada hari raya keempat selepas Subuh, dia tiba-tiba diserang sawan.

"Saya terus membawanya ke Klinik Kesihatan Balai dan ketika dirawat tekanan nadinya tiba-tiba terhenti dan dia pengsan sebelum disahkan meninggal dunia," katanya.

Bedah siasat oleh Unit Forensik Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mendapati Syamil meninggal dunia akibat strok haba dan dehidrasi.



Gambar kenangan Muhammad Syamil (depan kanan) bersama keluarga.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pihaknya masih menunggu laporan penuh mengenai dua kematian di Kelantan itu dan ia tidak boleh diambil mudah.

Katanya, pihaknya mengambil maklum bahawa fenomena cuaca panas berpanjangan sedang melanda negara terutamanya negeri di utara Semenanjung sehingga Ogos ini.

Simptom strok haba

Tidak berpeluh
Suhu badan meningkat
Kulit panas, kering dan merah
Tak sedarkan diri

Nadi kuat dan laju
Sakit kepala

Langkah kurangkan kesan strok haba

Bawa mangsa ke tempat sejuk

Gunakan kipas/pendingin hawa
Naikkan kaki
Berikan air
Baringkan mangsa

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

BH Sabtu, 29 April 2023

MindaPembaca

13

Penggunaan vape berleluasa boleh cetus krisis kesihatan awam

Basim Maarof,
Pegawai Jabatan
Komunikasi dan
Media Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Rokok sudah menjadi sebahagian kehidupan manusia sejak sekian lama. Sejak abad ke-18, ia menjadi semakin komersial dan dikilangkan. Sekitar tahun 2003, rokok elektronik atau vape diperkenalkan di China.

Sejak itu ia berkembang dengan meluas, menyalngi rokok konvensional. Ramai orang beranggapan vape lebih selamat kerana asap disedut kononnya tidak 'membakar' paru-paru. Namun apa yang pasti, vape mengandungi nikotin. Malah, perisa cecair nikotin yang ditawarkan mengandungi beberapa bahan kimia berbahaya seperti toluena, asetaldehid, benzena, kadmium, isoprena, nikel, plumbum dan N-nitrosomornicotine.

Sama seperti rokok, kandungan nikotin dalam vape akan mempengaruhi kelajuan degupan jantung dan menaikkan tekanan darah. Nikotin memberi kesan pada otak yang dengan rangsangan rasa lebih segar kepada pengguna.

Ini boleh diibaratkan seperti kesan hormon dopamin yang mengubah kimia otak bagi memberikan rasa ceria dan gembira. Namun apabila kesan rangsangan nikotin ini hilang, rasa gila akan datang kepada perokok sehingga timbul desakan dalam diri untuk perlu mendapatkannya kembali.

Inilah bahaya yang terjadi apabila kesan nikotin mengganggu sistem semula jadi badan apabila berjaya menggantikan dopamin. Rasa gila yang tidak normal ini menyebabkan pengguna ketagih mendapatkan nikotin bagi mengembalikan rasa normal atau *feeling good*.

Otak kanak-kanak dan remaja yang masih sedang berkembang paling terdedah kepada kesan berisiko ini. Kajian menunjukkan apabila individu mula merokok pada usia muda, mereka akan menjadi ketagih dan kekal sebagai perokok sehingga dewasa atau menua.

Hasil pendapatan daripada jualan vape mencapai berbilion ringgit dan semakin meningkat dari se-

masa ke semasa. Realitinya, rokok sahaja sudah mengakibatkan kematian lebih 27,000 rakyat Malaysia setiap tahun.

Kedai vape dibuka secara berleluasa

Secara teknikalnya, penjualan peranti vape yang berisi cecair nikotin adalah melanggar undang-undang. Cecair e-rokok bernikotin hanya boleh dijual oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Jualan Dadah 1952. Ironinya, kedai vape dibuka secara berleluasa dan terbuka.

Dalam perkembangan terkini, cecair nikotin, iaitu bahan utama produk vape bukan lagi bahan kawalan di bawah Akta Racun bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk melaksanakan cukai produk vape.

Berkuat kuasa 1 April yang lalu, kerajaanewartakan cukai bagi cecair nikotin untuk penggunaan vape dengan mengenakan RM1.20 setiap mililiter. Ini dikatakan sebagai langkah untuk mengurangkan penggunaan vape dalam masyarakat. Pada masa sama, pelaksanaan percukaian terbaharu ini akan memberikan tambahan ratusan juta

ringgit kepada pendapatan negara.

Sebelum ini kerajaan sudah membelanjakan berbilion ringgit setahun bagi merawat pesakit yang menderita akibat merokok. Ini termasuk usaha daripada Kementerian Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan di lebih 900 klinik berhenti merokok yang terdiri daripada klinik kesihatan, farmasi dan komuniti. Setelah pelbagai usaha dilakukan selama bertahun-tahun, kadar kejayaan berhenti merokok kekal rendah.

Maka, langkah pencegahan sentiasa lebih baik daripada merawat. Usaha untuk menghentikan tabiat merokok dan menghisap vape harus dilakukan dari awal dan secara serius oleh semua pihak termasuk tekad yang kuat daripada kerajaan.

Ketagihan rokok dan vape sudah dibuktikan dalam banyak kajian sebagai pembuka laluan kepada tabiat penyalahgunaan dadah dan bahan larangan. Maka, tabiat ini perlu dibendung dari awal.

Walaupun Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata bahawa beliau menyasarkan untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) baharu bagi mengawal selia semua produk merokok dan vape pada persidangan Parlimen Mei ini, kerisauan masih tetap membelenggu ramai pihak.

Persoalannya, sejauh mana RUU ini dapat diluluskan oleh ahli Parlimen dan berapakah tempoh yang akan diambil untuk mewartakannya bagi pelaksanaan sebelum nasi menjadi bubur?

Tambahan pula, adakah RUU yang baharu ini akan dikuatkuasakan dengan tegas sehingga dapat membendung penjualan vape yang sudah tersedia jual berleluasa dan mudah didapati?

Negara berpotensi mengalami krisis kesihatan awam terbesar sekiranya berlaku peningkatan mendadak dalam kalangan golongan muda termasuk kanak-kanak yang mengalami ketagihan nikotin akibat vape dan rokok.

Isu ini perlu ada tindakan segera yang berkesan untuk mengawalinya sebelum membarah demi kesihatan generasi masa depan yang lebih baik.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Ibu dakwa doktor benarkan anak kena strok haba pulang kerana hanya sakit biasa

Terkilan anak tidak dirawat sewajarnya

Oleh ROHANA MOHD.NAWI

KOTA BHARU – Ibu bapa kepada seorang kanak-kanak yang maut kerana mengalami strok haba Selasa lalu terkilan dengan pihak hospital kerana mendakwa anak tunggalnya tidak diberi rawatan yang sewajarnya.

Imam sebuah madrasah, Ahmad Faris Fazli Mohd. Nasir, 24 dan isterinya, Yaware Samoh, 25, reda dengan kehilangan anaknya Nur Imani, 19 bulan, tetapi tertanya-tanya mengapa doktor bertugas tidak melakukan pemeriksaan dengan rapi keadaan kesihatan anaknya yang menghidap batuk sejak seminggu lalu.

Yaware ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kota, di sini, berkata, sehingga kini dia kesal terhadap doktor bertugas kerana mengarahkannya membawa pulang anak mereka walaupun pada masa itu, keadaan Nur Imani terlalu lemah.

"Saya dimaklumkan oleh salah seorang doktor bertugas, ketika itu anak saya masih aktif dan



NUR IMANI

hanya memberitahu saya, hanya ada kemerahan dalam kerongkong.

"Pada masa sama, saya berasa pelik dengan tindakan doktor lalu bergegas keluar beritahu suami yang ketika itu berada di luar," katanya.

Yaware berkata, dia dan suami tiba di rumah kira-kira pukul 11 malam dan keadaan anaknya semakin lemah dan hanya tidur sekejap-sekejap di pangkuan sambil merengek.

Katanya, selepas lapan jam berada di rumah, Nur Imani yang semakin kritikal disahkan meninggal dunia di ribaah ibu mentuanya, Wan Maheeran Omar, 60 kira-kira pukul 7.20 pagi.

"Saya yang terkejut dan suami saya pengsan beberapa kali selepas mendapati Nur Imani sudah tiada lalu bergegas membawa mayat anak ke Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu untuk pengesahan.

"Doktor sahkan Nur Imani sudah meninggal dunia dan hasil bedah siasat mendapati anak saya disahkan kena strok haba.

"Saya terima dengan seadanya tetapi kesal dengan tindakan hospital sehingga menyebabkan anak tunggal saya maut," ujarnya.

Jelasnya, kejadian yang berlaku kepada anaknya boleh dijadikan iktibar kepada orang ramai pula selepas ini.

Katanya lagi, memang sudah sampai ajal anaknya tetapi dia jangkakan Nurul Imani boleh diselamatkan sekiranya doktor memberi rawatan lanjut.



YAWARE menunjukkan gambar Nur Imani yang maut akibat strok haba ketika ditemui di Kampung Kota, Kota Bharu semalam.

Suhu tinggi, hadkan aktiviti luar rumah

KUANTAN – Memakai pakaian yang longgar, ringan dan berwarna terang serta memakai topi atau payung merupakan antara langkah yang perlu diberi perhatian dalam berhadapan dengan cuaca panas pada masa ini.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, itu adalah antara langkah yang turut perlu dilakukan selain mengelakkan berada di luar rumah dan mengehadkan aktiviti fizikal lasak.

"Orang ramai juga perlu mengelakkan duduk di dalam kenderaan bertutup tanpa pendingin hawa dan menggunakan kipas atau pendingin hawa untuk menyejukkan badan.

"Orang ramai juga perlu mengurangkan pengambilan minuman berkafein, beralkohol dan bergula serta perlu menamatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya tidak sihat," katanya di sini semalam.

Menurutnya pada masa ini, negara sedang dilanda dengan situasi cuaca panas sehingga merekodkan suhu maksimum antara 35 darjah Selsius hingga 37 darjah Selsius.

Jelasnya, pendedahan kepada cuaca panas dan gelombang haba boleh menyebabkan kesan kesihatan yang ringan seperti selaran matahari (sunburn) dan ruam pada kulit.

Tambah beliau, sekiranya pendedahan kepada cuaca panas diikuti dengan kehilangan air badan yang banyak, ia boleh menyebabkan kesan yang lebih teruk seperti kekejangan otot dan kelesuan haba.

"Peringkat yang paling teruk ialah apabila sistem badan gagal mengawal suhu badan menyebabkan peningkatan suhu badan yang tinggi sehingga terjadinya strok haba.

"Strok haba adalah satu keadaan kecemasan perubatan yang perlu dirawat dengan segera bagi mengelakkan komplikasi dan kematian," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Meteorologi Pahang, Nazian Zainal Abidin berkata, setakat ini suhu tertinggi direkodkan di negeri ini ialah 38.5 darjah Selsius di daerah Raub pada 16 April lalu.

Bagaimanapun, katanya, suhu maksimum berkenaan turun dalam lingkungan 34 hingga 36 darjah Selsius selepas beberapa kawasan menerima hujan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA



KES demam denggi di Ipoh meningkat 266 peratus dengan 472 kes dilaporkan tahun ini setakat 22 April lalu. – GAMBAR HIASAN

Kes denggi di Ipoh naik 266 peratus

IPOH – Kes demam denggi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) masih menunjukkan, peningkatan dengan 472 kes dilaporkan sehingga 22 April lalu.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizah Baharin berkata, ia merupakan peningkatan sebanyak 265.9 peratus berbanding 129 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

"Sehingga 26 April lalu, terdapat lima lokaliti wabak denggi dikesan iaitu Halaman Meru Permai yang mencatatkan tiga kes, Taman Maxwell (lapan kes), Kam-

pung Baru Tambun (dua kes), Taman Kinta Mas (dua kes) dan Taman Camay (tiga kes).

"Bagi wabak tidak terkawal pula, terdapat empat lokaliti dikenal pasti iaitu Halaman Ampang Mewah (15 kes), Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2 (tujuh kes), Taman Cempaka (tujuh kes) dan Kampung Manjoi (11 kes)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bulan April 2023 di Dewan Mesyuarat MBI di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, melalui Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan Denggi di kawasan pentadbiran MBI serta aktiviti pencegahan serta kawalan dengan kerjasama daripada semua pihak, bilangan lokaliti wabak dapat dikurangkan sejak dua minggu lalu.

"Kerjasama semua pihak dalam memastikan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan di persekitaran rumah amat diperlukan bagi membendung penularan wabak denggi," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

'Tolong hentikan spekulasi'

Ibu kanak-kanak
maut dipercayai
strok haba rayu
orang ramai hormati
perasaan keluarga

KOTA BHARU

Dua ibu yang kehilangan anak masing-masing dan dikaitkan dengan strok haba di Kelantan baru-baru ini, meminta orang ramai supaya menghentikan sebarang spekulasi sehingga me-

nyebabkan emosi mereka terganggu.

Yawaree Samoh, 25, berkata pemergian anak tunggalnya, Nur Imani Ahmad Faris Fazli yang berusia setahun tujuh bulan pada Selasa lepas, memberi kesan kepada mereka sekeluarga.

"Saya tidak sangka dan rasa macam tidak percaya akan kehilangan Imani tetapi saya perlu reda dengan takdir ALLAH.

"Cuma saya minta supaya orang ramai hentikan sebarang spekulasi mengenai anak saya kerana ia memberi kesan kepada kami sekeluarga," katanya.

Turut menerima nasib sama, Nur Azwani Alias, 32, ibu seorang lagi mangsa iaitu

Muhamad Syamil Akil, 11, turut berharap orang ramai tidak menokok tambah cerita dan memberi komen negatif di media sosial mengenai anaknya.

"Di saat kami sekeluarga masih meratapi pemergian anak, masih ada segelintir masyarakat yang memberi komen negatif seolah-olah kami tidak cakna mengenai kesihatan anak.

"Saya harap perbuatan ini tidak lagi berlaku kerana kami sebagai ibu bapa berasa sangat sedih tetapi kepada mereka yang mendoakan, saya ucap terima kasih," katanya.

Nur Azwani, yang ditemui di Kampung Tengah Perupok, Bachok berharap ibu bapa sentiasa pantau gerak-geri anak mereka terutama ketika cuaca panas agar tidak melakukan sebarang aktiviti luar yang boleh menjejaskan kesihatan.

Sebelum ini, tular di media sosial kisah kedua-dua mangsa meninggal dunia dipercayai akibat strok haba.

Nur Imani, dari Kampung Kota di sini, meninggal dunia selepas batuk selama seminggu dan muntah beberapa hari kemudian, manakala Muhamad Syamil menghembuskan nafas terakhir ketika mendapatkan rawatan di klinik. - *Bernama*



Yawaree (kiri) menunjukkan foto Allahyarham Nur Imani.

JKNK siasat kes kanak-kanak dikaitkan strok haba

KOTA BHARU - Punca kematian dua kanak-kanak berusia 11 dan setahun tujuh bulan yang dilaporkan meninggal dunia dipercayai akibat strok haba masih lagi dalam siasatan.

Perkara itu disahkan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin menerusi aplikasi WhatsApp kepada *Bernama*.

Sebelum ini, tular dalam media sosial mengenai kematian dua kanak-kanak iaitu seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang meninggal dunia di Klinik Kesihatan Balai, Bachok dan seorang kanak-kanak perempuan berusia setahun tujuh bulan dari Kampung Kota di sini, meninggal dunia pada Selasa lepas, dipercayai akibat strok haba.



Antara keratan akhbar Sinar Harian mengenai strok haba.

Penduduk perlu hadkan aktiviti luar

KOTA BHARU - Rakyat di Kelantan diminta mengehadkan sebarang aktiviti luar berikutan cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, cuaca panas memberi tekanan fizikal kepada tubuh manusia yang boleh mengundang kesan terhadap kesihatan daripada tahap sederhana sehingga membawa maut akibat strok haba.

Menurutnya, semua lapisan masyarakat berisiko menjadi mangsa strok haba terutama yang terbabit dengan kegiatan aktiviti fizikal luar, kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah, penghidap penyakit sistem pernafasan, darah tinggi, jantung, kencing manis dan tiroid, selain dewasa 40 tahun ke atas.

"Risiko bertambah jika mereka memakai pakaian tebal dan ketat yang boleh menghalang haba keluar daripada penyejatan dan pengeringan peluh sekali gus mengundang kepada sakit kepala, keletihan, lemah otot atau kekejangan, mual dan muntah.

"Keadaan yang terlalu teruk



Cuaca panas yang panjang bukan sahaja mengakibatkan tanah menjadi kering dan merekah malah menyebabkan paras air sungai Kelantan surut ketika tinjauan di Kampung Pasir Erai, Kuala Krai.

boleh menyebabkan dehidrasi (kekeringan), kekeliruan dan tidak sedarkan diri (koma)," katanya.

Dr Zaini berkata, antara cara mencegah atau mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas melampau ialah minum air kosong dengan banyak tanpa mengira tahap aktiviti fizikal dan jangan tunggu sehingga berasa dahaga.

"Masyarakat juga diminta

berada dalam rumah atau bangunan, selain kerap berehat, mandi atau gunakan kipas angin untuk sejukkan tubuh termasuk pakai pakaian yang ringan, berwarna terang dan longgar," katanya.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, suhu di Kelantan pada Jumaat hingga Khamis depan dijangka mencecah 34 darjah Celsius. - *Bernama*

Tiada kes strok haba di Pahang

KUANTAN - Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) mengesahkan tiada laporan membabitkan kes strok haba di negeri ini. Pengarahnya, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, bagaimanapun berkata, pendedahan cuaca panas dan gelombang haba boleh memberi kesan kepada kesihatan.

"Di Pahang, tiada kes seperti yang berlaku di Kelantan setakat ini. Kita akui strok haba adalah satu keadaan kecemasan perubatan yang perlu dirawat dengan segera bagi mengelak komplikasi dan kematian," katanya.

Dr Nor Azimi turut menasihatkan orang ramai supaya mengehadkan masa berada di luar bangunan bagi mengelakkan pendedahan kepada cuaca panas.

Beliau menyarankan supaya memperbanyakkan pengambilan air kosong tanpa mengira tahap aktiviti fizikal.

"Kalau boleh gunakan topi atau payung untuk melindungi daripada pancaran haba terus ke badan dan memakai pakaian yang longgar, ringan serta berwarna terang.

"Elak duduk dalam kenderaan yang tertutup tanpa pendingin hawa dan menggunakan kipas atau pendingin hawa untuk menyejukkan badan," ujarnya yang meminta agar mengurangkan pengambilan minuman berkafein, beralkohol dan bergula.

Beliau mengingatkan orang ramai supaya mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya tidak sihat.

"Orang ramai boleh memantau status gelombang haba di negeri dan daerah masing-masing melalui laman sesawang MetMalaysia di <https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>," jelasnya.



DR NOR AZIMI

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Kes batuk kokol di Sabah meningkat 986 peratus - Dr Zaliha

KOTA KINABALU - Sabah merekodkan 76 kes pertussis atau batuk kokol dalam tempoh Januari lepas hingga semalam iaitu peningkatan 986 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas iaitu hanya tujuh kes, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, Kota Kinabalu merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu 20 kes, diikuti Lahad Datu (16), Tawau (15), Putatan (8) dan masing-masing empat kes di Semporna dan Papar.

Katanya, Kunak dan Tambunan pula mencatatkan tiga kes manakala Sandakan, Kinabatangan serta Tuaran masing-masing merekodkan satu kes.

"Satu kes kematian direkodkan sepanjang tempoh berkenaan dan 41 kes melibatkan warganegara, 27 Filipina dan lapan kes melibatkan warga Indonesia," katanya kepada pemberita selepas sesi Townhall Kertas Putih Zon Negeri Sabah di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, *pertussis* adalah penyakit cegahannya vaksin yang disebabkan oleh bakteria iaitu *bordetella pertussis*.

"Kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung serta tekak. Ia boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia, namun bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap



DR ZALIHA

adalah golongan paling berisiko tinggi untuk dijangkiti.

"Lazimnya mereka yang dijangkiti akan mengalami batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu. Ia boleh berlarutan hingga dua bulan. Batuk yang teruk dan berpanjangan ini menyebabkan pesakit menjadi kebiruan (cyanosis) kerana tidak sempat bernafas dan keadaan ini boleh mengakibatkan sawan kerana bekalan oksigen ke otak berkurangan," katanya.

Dr Zaliha berkata, sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) mempertingkatkan pemantauan dan pencegahan secara serius untuk memastikan penyakit berkenaan tidak menular.

Menurutnya, langkah pencegahan pelalian merupakan cara pencegahan yang berkesan dan selamat.

"Pelalian adalah menggunakan vaksin *pertussis*, sekurang-kurangnya tiga dos dan diberikan secara suntikan. Pelalian diberikan kepada bayi sebanyak empat dos mengikut Jadual Program Imunisasi Kebangsaan.

"Pelalian diberi pada umur dua, tiga dan lima bulan serta dos tambahan pada umur 18 bulan. Seseorang yang mempunyai gejala batuk perlu mengamalkan adab batuk iaitu menutup mulut dan mencuci tangan bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain," tegasnya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : NEGERI

iGuru sokong pakai pelitup muka di sekolah

Berikutan
kebimbangan
peningkatan kes
Covid-19, ancam
kesihatan dan
keselamatan murid

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru) menyokong jika pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes Covid-19.

Presiden iGuru, Mohd Azizee Hasan berkata, kesihatan dan keselamatan murid perlu diberi keutamaan supaya sekolah menjadi tempat selamat untuk pembelajaran.

"iGuru akan akur kepada ketetapan yang diputuskan nanti hasil perbincangan dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan nanti perlulah jelas dan mengambil kira semua aspek kesihatan dan keselamatan warga sekolah," katanya dalam kenyataan kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Menurutnya, pematuhan kepada SOP yang betul ketika sesi pembelajaran perlu bermula selepas cuti hari raya.

Ujarnya, pihak sekolah perlu melakukan saringan ujian Covid-19 sekiranya ada kes pelajar atau para guru yang bergejala seperti batuk.

"Perlu ditekankan semula amal-



MOHD AZIZEE

an penjagaan kesihatan diri seperti kerap membasuh tangan.

"Digalakkan juga memakai pelitup muka jika bergejala dan berada di tempat yang sesak dan ramai orang," katanya.

Tambah Mohd Azizee, jika SOP ini dikuatkuasakan semula, ibu bapa diharapkan dapat memberikan kerjasama baik kepada pihak sekolah berkaitan SOP yang ditetapkan.

Sebelum ini, media melaporkan KKM akan mengesyorkan pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes Covid-19.

KPM telah mengadakan perbincangan khas berkaitan isu penularan Covid-19 dan cadangan pemakaian semula pelitup muka di sekolah seperti yang disarankan oleh KKM.

Kes demam denggi di Ipoh naik lebih 200 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas

IPOH - Kes demam denggi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mencatatkan peningkatan sebanyak 265.9 peratus atau 472 kes dilaporkan selakat 22 April lepas (Minggu Epid: 16/2023), berbanding 129 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin berkata, melalui Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan Denggi di kawasan pentadbiran MBI serta aktiviti pencegahan dan kawalan dengan kerjasama daripada semua pihak, bilangan lokaliti wabak dapat dikurangkan dalam dua tempoh minggu lepas.

Beliau berkata sehingga Rabu (26 April), terdapat lima lokaliti wabak iaitu Halaman Meru Permai dengan tiga kes yang dijangka tamat pada 6 Mei, Taman Maxwell (lapan kes, dijangka tamat 2 Mei), Kampung Baru Tambun (dua kes, dijangka tamat 1 Mei), Taman Kinta Mas (dua kes, dijangka tamat 2 Mei) dan Taman Camay (tiga kes, dijangka tamat 4 Mei).

"Sementara lokaliti wabak tidak terkawal adalah di Halaman Ampang Mewah dengan 15 kes dan dijangka tamat pada 27 April, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2 (tujuh kes, dijangka tamat pada 1 Mei), Taman Cempaka (tujuh kes, dijangka tamat pada 8 Mei) serta Kampung Manjoi (11 kes, dijangka tamat pada 8 Mei)," katanya ketika



RUMAIZI

berucap pada Mesyuarat Penuh Majlis Bulan April 2023 di sini pada Jumaat.

Rumaizi berkata, terdapat dua lokaliti hotspot di Taman Cahaya Bercham dengan 24 kes dan dijangka tamat pada 29 April, manakala di Taman Hillview dengan 12 kes serta dijangka tamat pada 1 Mei ini.

Justeru, Rumaizi menasihatkan orang ramai agar meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk

melakukan aktiviti pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran kawasan kediaman masing-masing.

Sementara itu, Rumaizi pada sidang akhbar berkata, pihaknya mengambil maklum berkenaan rungutan orang ramai berkaitan panjut hiasan yang tidak menyala seperti yang dihebahkan di media sosial.

"Sebenarnya program panjut untuk tahun ini sekadar percubaan sebelum dilanjutkan pada tahun seterusnya kerana pesta panjut ini adalah untuk tahun hadapan sempena Tahun Melawat Perak 2024.

"Tahun ini jika ada kelemahan kita akan lihat bagaimana untuk menambah baik pengurusan panjut itu. Mungkin kita kena pastikan ada orang yang boleh menjaga dan mengawasi panjut hiasan itu bagi memastikan ia kekal hidup dan tidak terpadam," katanya. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Suruhanjaya reformasi kesihatan mampu selesai isu

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Penubuhan suruhanjaya reformasi kesihatan sepatutnya menjadi agenda utama Kementerian Kesihatan (KKM) kerana mampu menyelesaikan pelbagai isu termasuk kekurangan doktor dan jururawat.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, penubuhan suruhanjaya tersebut dilihat sebagai satu mekanisme yang baik untuk menangani masalah perjawatan itu.

Jelasnya, jumlah doktor dan jururawat yang berkhidmat untuk KKM sepatutnya meningkat selaras dengan pertambahan fasiliti baharu kesihatan di seluruh negara supaya perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

"Jumlah doktor dan jururawat yang ada ketika ini adalah tak masuk akal kerana fasiliti kesihatan semakin bertambah

saban tahun dan memerlukan tenaga kerja yang setara.

"Namun apabila pelantikan kakitangan baharu dibuat oleh JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam), mereka perlu selaraskan lantikan baharu dengan semua kementerian dan ia tidak menyelesaikan masalah.

"Justeru suruhanjaya tersebut perlu ditubuhkan supaya dapat berfungsi seperti Suruhanjaya Pendidikan yang mana lantikan perjawatan tidak melalui JPA," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Boon Chye berkata, KKM perlu ada mekanisme sendiri menentukan jumlah doktor dan jururawat yang mereka perlukan di seluruh fasiliti kesihatan mereka.

"Apabila jumlah tersebut sudah dikenal pasti, suruhanjaya akan bertindak untuk memenuhi keperluan tersebut supaya perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

"Ta juga mampu menyelesaikan isu doktor kontrak di negara ini," katanya.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan, sebanyak 196,664 petugas KKM termasuk pegawai perubatan meletak jawatan dalam tempoh 10 tahun lalu.

Berdasarkan jawapan bertulis KKM di Dewan Rakyat baru-baru ini, pegawai perubatan paling ramai berhenti iaitu 6,282 orang diikuti pegawai perubatan siswazah (3,826 orang), pegawai pergigian (3,256 orang), pegawai farmasi (2,692 orang), jururawat (1,643 orang), pakar perubatan (1,631 orang) dan penolong pegawai perubatan (334 orang).

Antara alasan meletak jawatan adalah mahu berkhidmat dalam sektor swasta dan badan berkanun, isu peribadi, melanjutkan pelajaran, masalah kesihatan dan membuka klinik sendiri.

Malah menerusi jawapan berasingan, 1,732 Pegawai Perubatan Siswazah atau doktor pelatih meletak jawatan sebelum menamatkan latihan siswazah pada 2020-2022.

Yang Dipertua Persatuan Ke-

sihatan Ikram Malaysia (Ikram Health), Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, suruhanjaya tersebut penting agar dapat diwujudkan satu badan bebas dan telus dalam memantau, menasihati serta melaporkan status pelaksanaan reformasi kesihatan.

Menurutnya, ia perlu berfungsi seperti yang dirancang dalam kertas putih kesihatan serta dasar-dasar reformasi baharu.

Katanya, suruhanjaya juga mesti melaporkannya kepada Kabinet, Parlimen dan orang ramai agar semua dapat mengetahui dan mengambil peranan dalam menjayakan agenda itu.

"Banyak isu yang timbul ini boleh diuruskan dengan lebih baik seperti penyampaian perkhidmatan kesihatan, pengambalian kakitangan, kesaksamaan akses, kelestarian pembiayaan kesihatan, tadbir urus dan akauntabiliti.

"Kita menyokong ia diwujudkan kerana sistem kesihatan sangat memerlukan reformasi menyeluruh," jelasnya.

Buka klinik sendiri: Berbaloi direbut tetapi risiko tinggi

PETALING JAYA: Diberi peluang untuk membuka klinik sendiri memang antara usaha yang baik tetapi ia bukan perkara mudah dan mempunyai risiko tersendiri.

Yang Dipertua Persatuan Kesihatan Ikram Malaysia (Ikram Health), Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, membuka klinik sendiri bukan sahaja setakat memberi perkhidmatan tetapi menjalankan perniagaan, jadi ia merupakan risiko yang besar walaupun inisiatifnya adalah baik.

"Inisiatif membantu doktor kontrak membuka klinik sendiri mampu membantu negara mencari jalan penyelesaian bagi doktor terlibat namun isu kekurangan kakitangan di hospital kerajaan tidak akan selesai.

"Doktor kontrak yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan dan menyedari bakal risiko boleh mempertimbangkan inisiatif yang ditawarkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu.

"Bukan itu sahaja, mereka juga perlu memastikan lokasi yang dipilih adalah strategik dan tidak mempunyai persaingan dengan klinik lain," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Mara sedia membantu doktor kontrak yang tidak ditawarkan jawatan tetap untuk membuka klinik sendiri termasuk menyediakan pinjaman modal dan latihan.

Pengerusinya, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, sehingga kini, Mara telah membantu ramai doktor dan ahli farmasi menjadi usahawan dengan membuka cawangan kemudahan itu di bawah jenama U.n.i Klinik, U.n.i Dental dan U.n.i Farmasi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

HEAT WARNING

AS the mercury rises in parts of the country, the Health Ministry has banned outdoor children's activities in areas with unhealthy air and advises people to stay hydrated. The move comes after two children died of suspected heatstroke in Kelantan. Experts advise parents to recognise heatstroke symptoms.

» REPORTS ON PAGES 2 & 3

PIC BY MIKAIL ONG



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

EXTREME WEATHER

HEATSTROKE ALERT AS EL NINO LOOMS

Health Ministry
bans outdoor
activities in areas
with API readings
of above 100

DAWN CHAN
AND DANIA NABILA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



A woman
looking at
the flower
plants
damaged
by the hot
weather at
her home in
Alor Star,
Kedah. PIC
BY ZULKIFFLI

THE Health Ministry has sounded the alarm over the prevailing hot weather that is set to be followed by the El Nino phenomenon in May, which will herald hot and dry conditions.

In a directive issued yesterday, the ministry prohibited any outdoor activities in areas with Air Pollution Index readings above 100 and advised students to stay hydrated to regulate their body temperature.

The preventive measures were issued to the state Education Departments, district education offices and all of its educational institutions to deal with the hot weather and haze.

The directive came in the wake of the deaths of two children in Kelantan, who had reportedly died of heatstroke on Tuesday.

"To ensure that students' health is not impacted, any activities that might expose them to hot weather conditions will be monitored and perhaps postponed.

"Students are urged to bring their own drinking water, but if the situation gets critical, drinking water will also be provided.

"Always be alert and cooperate with clinics and hospitals in case there are any problems with the students due to the heat."

The ministry advised all of its educational institutions to adhere to the guidelines set and to be aware of recent events surrounding the haze phenomenon in their particular locations or districts through the media.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) announced on April 14 that the transition to El Nino, which would bring hot and dry weather, is expected to occur around May to July this year.

However, many areas of the peninsula, save for the Klang Valley, have begun experiencing hot

weather.

According to the MetMalaysia website, the average temperature in most states hovered between 33°C and 34°C. Perlis, it was noted, had a high of 35°C.

Meanwhile, health experts urged parents to take the precautions to avoid more potential heatstroke fatalities among children.

Universiti Malaya occupational and public health expert Professor Dr Victor Hoe said parents had to be aware of the dangers of heatstroke among children.

Heatstroke, he said, was an acute event due to exposure to extreme heat and was the most severe form of heat-related illness.

"The signs of heatstroke include confusion, altered mental status, slurred speech, loss of consciousness (coma), hot and dry skin, profuse sweating, and seizures. It can be fatal if treatment is delayed."

Parents should also be able to recognise the symptoms of early stages of heat-related illness, which include heat cramps and heat exhaustion.

"The symptoms of heat cramps are painful muscle cramps and spasms that occur during or after intense exercise," Dr Hoe said.

"Meanwhile, heat exhaustion occurs when the body is unable to cool itself properly. The symptoms include headache, nausea, elevated body temperature and excessive sweating."

He also advised parents to remove their children from a hot environment when they developed symptoms related to heatstroke.

"Parents should also remove their children from strenuous activities like sports and outdoor

activities.

"When they are playing in a hot environment, they need to drink plenty of plain water, as it is the most effective fluid to keep children hydrated."

Hydration, said Dr Hoe, was the key factor in preventing heatstroke, which is why parents should check their children's urine colour to identify if they are well hydrated or dehydrated.

"Pale, odourless and plentiful urine indicates that they are well-hydrated, and darker, strong-smelling urine in small amounts can be a sign of dehydration."

"And although nutrition is not the main key to preventing heatstroke, an undernourished child will be more susceptible to the effects of the heat."

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar also advised parents not to take the matter lightly as heatstroke can result in death.

"My advice is to make sure the children stay hydrated during the current hot weather by drinking plenty of water, either plain water or fruit juice, and eating plenty of fruits and vegetables."

"If the children have another illness, do not let them be too active and exposed to the hot weather. Make sure they sit in a cool place and never leave them in the car."

Dr Zainal also said that it was important for parents to bathe and wet their children's bodies regularly as this would help cool down their body temperature.

Additional reporting by Aqilah Alias

Page 1 pic: People using umbrellas to shield themselves from the sun in Lebuh Armenian, George Town, yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/NATION

Ministry awaits report on deaths of 2 kids purportedly of heatstroke in Kelantan

KUALA LUMPUR: The Health Ministry is awaiting a full report on the deaths of two children, who reportedly died of heatstroke.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said they wanted to establish whether the deaths of the 11-year-old boy and 19-month-old female child were due to heatstroke.

She said the country, especially the northern states, was undergoing a hot spell until August due to the northeast monsoon transition period.

"Deaths have been recorded, we cannot take this lightly. We are waiting for the report to ascertain if these (deaths) were due to heat-

stroke," she said after a town hall session on the Health White Paper for Sabah here yesterday.

Dr Zaliha said the ministry had yet to receive any report on heatstroke cases but would continue to monitor the situation.

She urged parents to monitor their children's activities to keep them safe during this period.

On Tuesday, 19-month-old Nur Imani Ahmad Farris Fadzlee died at her home in Kampung Kota, Kota Baru, supposedly of heatstroke. Her parents had rushed her to the hospital on Monday night when she appeared weak and tired.

They claimed that after treat-

ing her, a female doctor told them to take their daughter home. She gave them some medicine, including for cough.

At home, Imani's condition worsened. Her hands and face turned blue, and she died on her grandmother's lap at 7.20am on Tuesday, the fourth day of Hari Raya Aidilfitri.

The parents said a post-mortem confirmed that their child died of heatstroke.

Imani was among two children who died in the state supposedly due to heat stroke. Muhamad Syamil Aqil, 11, of Bachok, also died on Tuesday.

The Kelantan Health Depart-



Dr Zaliha Mustafa



Datuk Dr Zaini Hussin

ment will carry out an investigation into the claims made by Imani's family that the girl was not warded when she was brought to the hospital.

Department director Datuk Dr Zaini Hussin said a thorough investigation would be carried out to verify the claims.

He said this included gathering

information from all parties involved.

"We are aware of their claims and will conduct a thorough investigation."

Dr Zaini said the department had submitted reports on the children's deaths to the health minister. **By Sharifah Mahsinah Abdullah and Rafiqah Dahali**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NATION

Doctors urged to be more alert to whooping cough cases

By STEPHANIE LEE
stephanelee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The Health Ministry has warned doctors to be more alert to coughing among children following an increase in

whooping cough cases as well as one death in Sabah.

According to minister Dr Zaliha Mustafa, from January to April 27, Sabah has recorded a relatively high number of the contagious disease at 76 cases with one death.

"In the same period last year, there were just seven cases," she said.

Of the 76, 41 were Malaysians, 27 Filipinos and eight Indonesians.

Dr Zaliha advised doctors to be more alert to children afflicted

with the condition, adding that the effects are worse in babies than older children or adults.

"It will be best to seek immediate medical attention if your babies or yourself have symptoms of whooping cough, which include

prolonged fever, coughs and sneezing," she said after a Health White Paper townhall session here yesterday.

She reminded parents to have their children vaccinated against whooping cough.